

29/12/1999

YPEIM peruntuk RM58.7 juta untuk amal jariah

KUALA LUMPUR, Selasa - Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) memperuntukkan RM58.7 juta bagi membiayai program amal jariah tahun depan.

Ketua Pengarah YPEIM, Abdul Malek Awang Kechil, berkata peruntukan itu khusus bagi menjayakan projek dan skim di bawah program pembangunan sosioekonomi ummah, mengukuhkan tradisi keilmuan, memantapkan kebajikan ummah serta membangunkan institusi Islam.

Program itu bertujuan membawa manfaat kepada ummah serta meningkatkan syiar Islam, katanya dalam kenyataan mengenai Belanjawan 2000 YPEIM di sini hari ini.

Menurutnya, program dan skim yang mendapat perhatian utama dalam Belanjawan 2000 berkenaan adalah seperti Skim Ar Rahnū (pajak gadai Islam), Skim Amanah Niaga Bandar, Skim Peniaga Kecil Berdaya Maju, Program Pembangunan Usahawan, Program Pembangunan Minda, Program Membangun Ilmu Pengurusan Islami serta Program Membangun Institusi Islam dan Hartanah Wakaf.

"Daripada aspek kewangan, secara umumnya YPEIM telah mencapai prestasi seperti yang diunjurkan melalui Belanjawan 1999 yang lalu. Jumlah aset YPEIM berjaya ditingkatkan kepada RM298 juta," kata Abdul Malek.

Bagi Belanjawan 2000, jumlah aset YPEIM dijangka meningkat sebanyak RM2.4 juta lagi berikutan pertambahan dana untuk Program Asasi dan dijangka berlaku lebih pendapatan.

"Pendapatan bagi tahun 2000 diunjurkan sebanyak RM12.6 juta berbanding RM9.3 juta pada tahun 1999. Ini menunjukkan peningkatan dalam jumlah pendapatan sebanyak RM3.28 juta dan lebih pendapatan sebanyak RM3.17 juta pada tahun 2000 berbanding tahun 1999," katanya.

YPEIM disusun dan dilancarkan semula oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 1984 dengan objektif antara lain untuk menghidupkan budaya amal jariah melalui pendekatan pengurusan moden.

(END)